



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 52/2010 (26 Disember 2010 hingga 1 Januari 2011)

Pada minggu terakhir tahun 2010 iaitu bagi tempoh 26 Disember hingga 1 Januari 2011, sejumlah 487 kes Demam Denggi dengan 1 kematian dari Shah Alam, Selangor telah dilaporkan, penurunan sebanyak 6% berbanding 519 kes pada minggu sebelumnya. Walaupun terdapat penurunan dalam kes mingguan yang dilaporkan, namun pada keseluruhannya pada tahun 2010 mencatatkan peningkatan 11% bilangan kes yang dilaporkan iaitu 46,171 kes berbanding 41,486 kes dalam tahun 2009. Pada tahun 2010, terdapat 10 buah negeri menunjukkan peningkatan kes iaitu Kelantan meningkat banyak 2,547 kes (247%), Johor 1,878 kes (74%), Sabah 921 kes (79%), Pahang 781 kes (86%), Melaka 716 kes (93%), Terengganu 504 kes (52%), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 459 kes (12%), N.Sembilan 444 kes (42%), Kedah 32 kes (4%) manakala negeri Perlis meningkat sebanyak 24 kes (13%) berbanding tahun 2009 (Lampiran A).

Kematian akibat Demam Denggi juga meningkat iaitu dari 88 kematian pada tahun 2009 kepada 134 (52%) kematian pada tahun 2010. Negeri yang mencatatkan peningkatan kematian denggi pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 adalah Negeri Kelantan meningkat 10 kematian, Johor 9 kematian, Sarawak 7 kematian, P.Pinang 6

kematian, Kedah, Perak, Pahang serta Terengganu masing-masing meningkat 3 kematian manakala N.Sembilan meningkat 1 kematian.

Pada minggu lepas terdapat sejumlah 97 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 4 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu lepas dengan melibatkan sebanyak 48 kes Demam Denggi (Lampiran C). Masih terdapat 1 daripada 4 lokaliti *hot spots* ini mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi (Lampiran D) dan 1 daripada 4 lokaliti hotspot sahaja yang menjalankan aktiviti gotong-royong iaitu di Taman TAS Selatan, Kuantan, Pahang. Bilangan lokaliti hotspots kekal berbanding minggu lepas. Hasil daripada pengaktifan Jawatankuasa Wabak Denggi Peringkat Daerah bagi daerah berwabak bermula 29 September 2010, ianya telah berjaya mengurangkan jumlah lokaliti hotspots daripada 31 hotspots pada tahun 2009 kepada hanya 4 hotspots pada tahun 2010. Ini adalah usaha bersepadu bagi memerangi wabak Denggi oleh Kementerian Kesihatan dengan pelbagai agensi.

Namun begitu, sempena tahun baru 2011, masyarakat diseru meningkatkan usaha dalam melaksanakan aktiviti mengurangkan tempat-tempat pembiakan Aedes terutama di rumah, tempat kerja atau sekolah mereka. Ini adalah kerana hasil pemantauan KKM mendapati 70% tempat-tempat pembiakan Aedes adalah di dalam atau di sekitar rumah atau tempat kerja mereka. Jangkitan dan sebaran penyakit Demam Denggi boleh dikurangkan dengan penglibatan aktif masyarakat memastikan persekitaran mereka bersih dan tiada tempat-tempat pembiakan Aedes. Pihak Kementerian Kesihatan akan terus berusaha meningkatkan kesedaran masyarakat dalam mengamalkan cara hidup yang sihat dan bersih, khususnya untuk mengurangkan penyakit Demam Denggi. Pada tahun 2010 saja, sebanyak 937 lokaliti baru telah

melaksanakan Program COMBI di mana masyarakat terlibat dengan aktif menjalankan aktiviti pemusnahan dan pengurangan pembiakan Aedes. Sehingga kini terdapat 1,625 lokaliti melaksanakan Program COMBI di seluruh negara. Keberkesanan program ini telah terbukti di mana ianya dapat mengurangkan kejadian kes Demam Denggi di lokaliti tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa penglibatan masyarakat sangat diperlukan dalam mencegah Denggi.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 26 Disember 2010 hingga 1 Januari 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 804 kes, penurunan sebanyak 85% atau 4,626 kes berbanding dengan 5,430 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2009 (Lampiran B).

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

5 Januari 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 52/2010
(26 Disember 2010 – 1 Januari 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 52/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 52/2009
		Minggu 52 (26 Disember 2010 – 1 Januari 2011)	Minggu 51 (19 – 25 Disember 2010)		
1	Perlis	1	4	215	191
2	Kedah	9	9	782 (3)	750
3	P. Pinang	37	42	1,834 (7)	2,444 (1)
4	Perak	40	42	2,288 (6)	2,734 (3)
5	Selangor	188 (1)	178	16,367 (45)	18,676 (48)
6	WPKL & Putrajaya	40	39	4,205 (6)	3,746 (9)
7	N. Sembilan	4	7	1,501 (7)	1,057 (6)
8	Melaka	8	23	1,485 (12)	769 (5)
9	Johor	51	45	4,406 (12)	2,528 (3)
10	Pahang	27	42	1,688 (5)	907 (2)
11	Terengganu	18	23	1,472 (3)	968
12	Kelantan	21	22	3,578 (11)	1,031 (1)
13	Sarawak	29	30	4,240 (14)	4,490 (7)
14	Sabah	14	13	2,091 (3)	1,170 (3)
15	WP Labuan	0	0	19	25
	MALAYSIA	487 (1)	519	46,171 (134)	41,486 (88)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 52/2010
(19 hingga 25 Disember 2010)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 52/2010	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 52/2009
		Minggu 52 (26 Disember 2010 – 1 Januari 2011)	Minggu 51 (19 – 25 Disember 2010)		
1	Perlis	0	0	0	35
2	Kedah	0	0	0	784
3	P. Pinang	0	0	6	344
4	Perak	0	0	3	403
5	Selangor	0	0	29	429
6	WPKL & Putrajaya	0	0	1	97
7	N. Sembilan	0	0	1	31
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	10	158
10	Pahang	0	0	1	71
11	Terengganu	0	0	1	59
12	Kelantan	0	0	2	439
13	Sarawak	0	0	550	2,505
14	Sabah	0	0	191	75
15	WP Labuan	0	0	9	0
	MALAYSIA	0	0	804	5,430

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 52
BAGI TAHUN 2010**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPAJ (GB)	Taman Ukay Perdana (Zon 1)	18	50
2	SELANGOR	MPS (GB)	Kg. Melayu Bt 16 Rawang	6	36
3	SELANGOR	MPS (GB)	Kg. Baru, Sg Terentang	13	31
4	PAHANG	Kuantan	Taman Tas Selatan	11	33

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 51
BAGI TAHUN 2010
(19 hingga 25 Disember 2010)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	PAHANG	Kuantan	Taman Tas Selatan	3.3	3